

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH**  
**KAWASAN : IPOH TIMOR**

**SOALAN :**

**YB TUAN WONG KAH WOH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jadual Fi Skala Jabatan Kerja Raya untuk Projek-Projek Kerajaan ditetapkan, dan kenapakah Fi Skala yang dinyatakan selalunya lebih tinggi daripada kos yang ditawarkan di pasaran.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 4, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) telah memberi kuasa kepada Perbendaharaan untuk menetapkan tatacara kewangan yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai yang diberi kuasa untuk membelanja atau membayar apa-apa wang awam. Selaras dengan itu, Perbendaharaan telah mengubal peraturan bagi membiayai perolehan perkhidmatan perunding untuk projek-projek kerajaan melalui penerbitan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP PK 3.2.

Berhubung dengan Skala Yuran Piawai (Scale of Fees), menjadi amalan Perbendaharaan untuk menimbang dan menetapkan skala berkenaan berasaskan cadangan yang dikemukakan oleh Lembaga-Lembaga Professional seperti Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia dan Lembaga Ukur Bahan Malaysia. Hasil pertimbangan ini, Perbendaharaan akan memutuskan kadar yuran yang berpatutan untuk digunakan bagi melantik perkhidmatan perunding yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, mulai 15 September 2016 bagi projek fizikal dengan nilai kos kurang daripada RM50 juta, penetapan kos perunding tidak lagi dibuat menggunakan Skala Yuran Piawai. Sebaliknya Skala Yuran Piawai hanya dijadikan sebagai rujukan untuk mendapatkan jumlah yuran yang berpatutan dan yuran tersebut adalah tetap sepanjang tempoh pelaksanaan projek sehingga siap. Sekiranya harga kontrak kerja yang telah disetujui terima oleh Kerajaan adalah lebih rendah daripada anggaran kos projek asal (asas untuk menentukan yuran perunding), Kerajaan berhak membuat pelarasan yuran perunding secara berkadar. Selain daripada itu, bagi projek-projek dengan kos melebihi RM50 juta pelantikan perunding telah dibuat secara tender terbuka dan tidak lagi menggunakan Skala Yuran Piawai.

Oleh yang demikian, kadar Skala Yuran Piawai yang selalu dipertikaikan sebagai lebih tinggi daripada kos yang ditawarkan di pasaran tidak lagi berbangkit hasil daripada perubahan tatacara perolehan yang telah diamalkan sekarang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH  
[IPOH TIMUR]**

**SOALAN NO. 478**

**Y.B. TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan dengan prestasi mata wang Ringgit Malaysia terkini berbanding dengan tahun-tahun lepas, dan faktor-faktor yang terbabit dalam peningkatan atau penurunan nilai mata wang Ringgit Malaysia tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 8 Julai 2019, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 0.2% berbanding dolar AS. Prestasi ringgit ini adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6% dan 4.9% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit didorong oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global dan ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik.
2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia.
3. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir.
4. Pada masa yang sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.